

12/12/1997

Anak PM, menteri tidak dilarang berniaga

KERAJAAN tidak mengenakan sebarang larangan kepada anak Perdana Menteri, menteri Kabinet, timbalan menteri dan setiausaha parlimen membabitkan diri dalam perniagaan.

"Anak Perdana Menteri, menteri Kabinet, timbalan menteri dan setiausaha parlimen adalah manusia biasa yang perlu hidup seperti orang lain.

"Adalah tidak adil kepada kerajaan mengenakan peraturan kepada mereka kerana sebagai manusia biasa, mereka juga berkeluarga dan perlu menanggung keluarga," katanya ketika menjawab soalan tambahan Datuk Sukri Mohamed (BN-Machang).

Sebelum itu, Lim Guan Eng (DAP-Kota Melaka) mempersoalkan sama ada kerajaan mengenakan peraturan kepada anak Perdana Menteri atau menteri Kabinet yang terbabit dalam perniagaan dan menjadi penjamin sesuatu permohonan pinjaman.

(END)